

**ZAKAT INSTRUMEN PEMBASMI KEMISKINAN:  
PENGALAMAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
(MAIWP)<sup>1</sup>**

**OLEH:  
DR. MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL<sup>2</sup>**

**PENDAHULUAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Negeri-negeri tersebut adalah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Manakala Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 3 buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan pada dua peringkat iaitu peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri. Pada peringkat Persekutuan, Ketua Negara ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada peringkat negeri pula, ketua negeri dikenali dengan pelbagai nama seperti Sultan, Raja, Yang di-Pertuan Besar atau Yang Dipertua Negeri.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Zakat Serantau (SZS) anjuran bersama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia (JAWHAR), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia (MAIWP) pada 22 Mac 2011 di Hotel Legend, Kuala Lumpur

<sup>2</sup> Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP

Pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia diletakkan di bawah ketua negeri masing-masing manakala bagi Wilayah Persekutuan, ianya diletakkan di bawah Yang di-Pertuan Agong.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada tahun 1974 bertujuan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam hal-hal yang berhubungan dengan agama Islam. Dalam aspek sosio-ekonomi, MAIWP berkewajipan untuk melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan dan mengembangkan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial selaras dengan hukum Syara'.

Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan sosio ekonomi masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan, MAIWP telah menjalankan aktiviti-aktivitinya merangkumi agihan zakat, pendidikan, perlindungan, kebajikan dan pembangunan hartanah.


Kertas kerja ini akan memfokuskan aktiviti-aktiviti MAIWP yang dilaksanakan menggunakan dana zakat di mana aktiviti-aktiviti tersebut mampu membasmi atau mengurangkan kadar kemiskinan khususnya di Wilayah Persekutuan.

## **PENGURUSAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

MAIWP merupakan sebuah agensi yang diamanahkan untuk menguruskan zakat di Wilayah Persekutuan. Bagi tujuan itu, MAIWP telah menubuhkan Pusat Pungutan Zakat MAIWP pada tahun 1992 untuk menguruskan kutipan zakat secara profesional dan proaktif.

Wang zakat yang dikutip itu kemudiannya diagihkan oleh MAIWP kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, ar-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Senarai skim bantuan zakat MAIWP seperti di Lampiran "A".

**Gambarajah 1:  
Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat MAIWP Dari  
Tahun 2008 Hingga 2010<sup>3</sup>**



Pendapatan MAIWP merangkumi jumlah kutipan zakat dan lain-lain hasil yang dijana menggunakan dana zakat seperti hasil sewaan, keuntungan pelaburan dan lain-lain pendapatan. Manakala perbelanjaan zakat MAIWP pula merangkumi belanja agihan zakat dan perbelanjaan mengurus yang menggunakan dana zakat.

<sup>3</sup> Maklumat pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2010 adalah maklumat belum diaudit

Keuntungan pelaburan diperolehi oleh MAIWP antaranya melalui beberapa aktiviti pelaburan dan pembangunan hartanah yang dilaksanakan menggunakan dana zakat. Sebagai contoh, pembinaan Hospital PUSRAWI di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sebagai pemegang saham utama, MAIWP mendapat pulangan keuntungan daripada operasi Hospital PUSRAWI ini. Pendapatan yang diperolehi digunakan bagi mengembangkan lagi dana zakat yang akhirnya dapat digunakan untuk membantu golongan asnaf. Selain itu juga, pembinaan Hospital PUSRAWI merupakan salah satu tanggungjawab fardhu kifayah yang dilaksanakan oleh MAIWP dalam menyediakan perkhidmatan perubatan berlandaskan ajaran dan nilai-nilai Islam.

Dalam konteks membincangkan zakat sebagai salah satu instrumen dalam membasmi kemiskinan, ianya dapat diperincikan melalui program-program MAIWP seperti berikut:

- a) Program Pembangunan Sosial
- b) Program Pembangunan Pendidikan
- c) Program Pembangunan Ekonomi

## **PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL**

Program pembangunan sosial merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh MAIWP bagi membantu asnaf memenuhi keperluan asasi mereka.

Antara bantuan yang diberikan adalah Bantuan Kewangan Bulanan. Bantuan ini menyalurkan wang tunai antara RM250 hingga RM500 sebulan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf selama setahun.

Setelah tamat tempoh setahun, status penerima akan disiasat semula bagi mengenalpasti samada mereka masih lagi layak menerima bantuan ini atau telah melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Mereka yang menerima bantuan ini turut layak menerima bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh MAIWP kerana mereka tergolong dalam asnaf fakir, miskin dan muallaf. Mereka turut menerima bantuan-bantuan lain seperti bantuan tempat tinggal, bantuan pendidikan untuk anak-anak dan bantuan perubatan.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM90.05 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 26,418 orang.

**Jadual 1:**  
**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan**  
**Bantuan Kewangan Bulanan Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	6,921	8,729	10,768	<b>26,418</b>
Perbelanjaan (RM)	18,702,100	29,212,150	42,134,088	<b>90,048,338</b>

Melalui bantuan yang diberikan ini, beban penerima bantuan dalam memenuhi keperluan asasi diri dan keluarga dapat dikurangkan seterusnya membolehkan mereka memberi lebih tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan.

Penerima-penerima bantuan ini juga didedahkan dengan kursus-kursus kemahiran bagi menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan. Antara kursus kemahiran yang disediakan adalah dalam bidang jahitan dan masakan.

MAIWP juga turut membantu menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada mereka yang layak. Melalui bantuan ini, para asnaf mempunyai tempat perlindungan yang sempurna seterusnya mengelakkan mereka hidup terbiar tanpa tempat tinggal.

Bantuan ini disalurkan oleh MAIWP antaranya dengan menampung kos sewaan rumah yang didiami asnaf yang berharga di antara RM94 hingga RM400 sebulan. Walau pun kos sewaan dilihat agak rendah,

namun kos kehidupan di pusat bandar adalah tinggi dan membebankan mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai. Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM3.73 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 2,516 orang.

**Jadual 2:**

**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan  
Bantuan Sewa Rumah Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	597	754	1,165	<b>2,516</b>
Perbelanjaan (RM)	790,547	1,190,403	1,752,192	<b>3,733,142</b>

MAIWP juga turut membantu golongan asnaf dengan membina rumah di atas tanah yang dimiliki atau membaiki rumah mereka yang sudah uzur. Kos yang ditanggung bagi membaiki atau membina rumah adalah antara RM15,000 hingga RM65,000. Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM2.21 juta bagi bantuan membina/ membaiki rumah dengan jumlah penerima seramai 128 orang.

### Jadual 3:

#### **Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan Bantuan Membina/ Membaiki Rumah Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	17	58	53	<b>128</b>
Perbelanjaan (RM)	498,950	410,937	1,295,759	<b>2,205,646</b>

Dengan bantuan-bantuan ini, para asnaf tidak lagi perlu menanggung kos sewaan rumah seterusnya menjimatkan kos perbelanjaan bulanan. Ia juga membolehkan mereka menikmati kualiti kehidupan yang lebih sempurna selain memiliki sebuah aset yang bernilai untuk keluarga mereka.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI**

Rancangan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh MAIWP memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkeelayakan untuk mendapatkan bantuan pembangunan ekonomi.

Bantuan ini dilihat sebagai program yang mampu memberi impak yang tinggi (High Impact Program) kepada asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan. Justeru itu MAIWP memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan dengan menyediakan bantuan berbentuk modal awal dan tambahan, kursus serta latihan kemahiran kepada



asnaf yang terpilih. Bantuan tersebut disalurkan menerusi bantuan-bantuan berikut:

**a) Bantuan Perniagaan**

Bantuan ini membantu para peniaga yang telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Bantuan ini diberikan kepada peniaga yang tergolong dalam asnaf fakir, miskin dan muallaf.

Sehingga kini, peniaga-peniaga yang dibantu adalah terdiri daripada mereka yang menceburi bidang peruncitan, perusahaan makanan, restoran, jahitan, bengkel dan kraftangan. Bantuan yang diberikan adalah sehingga RM5,000 dan diberikan samada dalam bentuk modal tambahan atau peralatan perniagaan.

Antara peralatan perniagaan yang diberikan adalah mesin jahit, peti sejuk beku, peralatan memasak, mesin basuh kedai dobi dan beberapa jenis peralatan yang sesuai dengan permohonan asnaf. Dengan bantuan yang diberikan ini, mereka dapat mengembangkan lagi perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Selain bantuan dalam bentuk modal dan peralatan, MAIWP turut menganjurkan kursus-kursus keusahawanan yang mendedahkan para penerima bantuan ini tentang asas perniagaan yang mencakupi aspek pemasaran, kemahiran berkomunikasi, asas perakaunan dan pengurusan kewangan.

Kursus ini wajib dihadiri oleh semua penerima bantuan sebelum mereka menerima bantuan.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM10.53 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 2,674 orang.

**Jadual 4:**  
**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan**  
**Bantuan Perniagaan Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	977	852	845	<b>2,674</b>
Perbelanjaan (RM)	3,263,051	3,494,532	3,767,848	<b>10,525,431</b>

### **Contoh Usahawan Berjaya**

#### **i. Abdul Rashid bin Ibrahim, Usahawan Kraf**

Antara penerima bantuan yang telah berjaya setelah menerima bantuan daripada MAIWP adalah Encik Abdul Rashid bin Ibrahim. Beliau telah mendapat bantuan perniagaan daripada MAIWP berjumlah RM8,000. Bantuan tersebut digunakan bagi memantapkan perniagaan cenderamata beliau, Craft's Creative yang dibuka di Pasar Seni, Kuala Lumpur. Hasil daripada bantuan yang diberikan,

perniagaan beliau semakin maju dan pendapatan beliau mencecah antara RM30,000 hingga RM40,000 sebulan. Berbekalkan modal yang dikumpulkan daripada perniagaan tersebut, beliau kini telah mempunyai ladang ternakan lembu, kambing dan kuda di negeri Pahang.

## **ii. Rashnizam Bin Rasid, Pengusaha Kedai Dobi**

Rashnizam Bin Rasid menerima bantuan wang tunai berjumlah RM5,000 daripada MAIWP bagi membantu beliau mengatasi masalah kekurangan modal. Dengan bantuan yang diberikan, beliau telah dapat membeli beberapa peralatan selain dapat menyediakan papan tanda bagi kedai dobi yang diusahakan. Kini pelanggan beliau semakin bertambah meliputi taman-taman perumahan di sekitar tapak kedai beliau. Terbaru, beliau telah mendapat kontrak bagi membersihkan kelengkapan bilik seperti cadar dan sarung bantal sebuah hotel di Lembah Klang.

## **iii. Jainal @ Zainal Abidin, Pemilik Bengkel Kereta**

Salah seorang penerima bantuan ini di Labuan juga telah keluar daripada kemiskinan apabila pendapatan bulanan beliau meningkat daripada RM850 ke RM2,000 setelah menerima bantuan daripada MAIWP. Jainal @ Zainal Abidin menerima Bantuan Perniagaan berjumlah RM6,200 bagi perniagaan bengkel kereta yang diusahakan.

Bantuan yang diterima telah digunakan bagi membeli peralatan bengkel seperti *Folding Engine*, *Manual Bottle Jack*, *Hydraulic Press Head* dan *Air Impact Wrench*. Selain itu juga, beliau telah dipilih oleh Pusat Giat Majlis Amanah Rakyat (MARA) Labuan (sebuah pusat latihan milik kerajaan) untuk melatih pelatih pusat tersebut.

Bantuan yang diterima ini juga membolehkan beliau memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggannya.

#### **iv. Abdul Karim Sabli, Pengusaha Bot Penumpang**

Bantuan berupa bot penumpang turut diberikan oleh MAIWP khususnya kepada asnaf di Labuan. Abdul Karim bin Sabli, pengusaha bot penumpang telah menerima bantuan sebuah bot penumpang bernilai RM5,000. Dengan bot ini, beliau tidak lagi perlu menyewa bot untuk menjalankan perniagaannya.

Melalui bantuan ini, pendapatan bersih yang diperolehi sebulan telah meningkat daripada RM800 ke RM1,500 sebulan apabila beliau tidak perlu lagi membayar sewaan bulanan bot sebanyak RM700.

#### **b) Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi**

Kebanyakan pemandu teksi khususnya di Kuala Lumpur menyewa teksi dengan syarikat pengusaha teksi dan sewaan tersebut akan dibayar samada harian, mingguan atau bulanan.

Melalui cara ini, pemandu teksi memperoleh pendapatan bersih antara RM800 hingga RM900 sebulan setelah ditolak kos sewaan.

Bagi membantu pemandu teksi memiliki teksi sendiri, MAIWP menyalurkan bantuan berjumlah RM5,000 bagi pembayaran deposit untuk membeli teksi. Dengan teksi sendiri, mereka tidak lagi perlu membayar sewa kepada pengusaha teksi sebaliknya hanya perlu membayar bayaran ansuran bulanan kepada pihak institusi kewangan. Jumlah bayaran ansuran bulanan ini adalah lebih rendah berbanding kos sewaan. Oleh yang demikian, ia membolehkan pemandu teksi menjana pendapatan bersih yang lebih tinggi antara RM1,200 hingga RM1,400 sebulan berbanding teksi yang disewa.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM5.24 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima berjumlah seramai 864 orang.

**Jadual 5:**  
**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan**  
**Bantuan Deposit Membeli Teksi Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	288	151	425	<b>864</b>
Perbelanjaan (RM)	918,397	2,179,373	2,142,400	<b>5,240,170</b>

**c) Bantuan Deposit Bas / Van Sekolah**

Terdapat sebilangan daripada asnaf terlibat dalam perusahaan bas/ van sekolah iaitu menyediakan pengangkutan kepada pelajar-pelajar sekolah berulang alik dari rumah ke sekolah masing-masing.

Perusahaan ini memerlukan mereka mempunyai kenderaan yang baik dan selamat. Oleh itu, MAIWP menyediakan bantuan deposit bagi membolehkan mereka membeli van/ bas sekolah yang lebih baik bagi memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan. Bantuan yang diberikan adalah berjumlah RM8,000.

Melalui bantuan ini, pengusaha van/ bas sekolah akan dapat memiliki van/ bas sekolah yang lebih baik dan membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan yang berkualiti seterusnya menarik lebih ramai ibu bapa menggunakan perkhidmatan mereka.

Ianya juga akan membolehkan mereka menjimatkan kos penyelenggaraan. Dengan penggunaan bas/ van sekolah ini, mereka mampu menjana pendapatan bersih antara RM2,500 hingga RM3,000 sebulan. Pendapatan yang diperolehi ini telah dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.

Skim bantuan ini mula disalurkan kepada asnaf pada tahun 2010 di mana pada tahun tersebut seramai 2 orang pengusaha van/ bas sekolah telah menerima bantuan ini berjumlah RM16,000.

**d) Bantuan Pertanian**

Bantuan Pertanian membantu asnaf-asnaf yang terlibat dalam bidang pertanian untuk memajukan lagi perusahaan yang dibuat. Bidang pertanian yang dibantu merangkumi penanaman dan penternakan. Antara bidang pertanian yang diceburi oleh asnaf adalah penanaman cendawan, penternakan ikan, itik dan lintah. Sebahagian daripada asnaf menjadikannya sebagai pekerjaan tetap manakala terdapat sebahagian lagi yang terlibat dalam bidang ini bagi menjana pendapatan sampingan.

Bantuan yang diberikan adalah berbentuk modal atau peralatan. Bantuan yang diberikan berjumlah antara RM3,000 hingga RM5,000. Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM0.19 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 24 orang.

**Jadual 6:**

**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan  
Bantuan Pertanian Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	5	11	8	<b>24</b>
Perbelanjaan (RM)	73,150	86,134	35,220	<b>194,504</b>

## **Contoh Penerima Bantuan Pertanian Berjaya**

### **i. Norlian Mohd Ali, pengusaha cendawan tiram**

Salah seorang penerima bantuan ini kini telah menjadi pengusaha cendawan tiram yang berjaya. Norlian Mohd Ali menerima bantuan ini berjumlah RM5,000 pada tahun 2009. Bantuan yang diterima telah digunakan bagi membeli sebuah mesin bagi membuat baja kompos.

Sebelum bantuan tersebut diperolehi, kompos dihasilkan menggunakan tenaga manusia dan jumlah kompos yang dapat dihasilkan kurang daripada 1,000 unit.

Dengan adanya mesin kompos ini, beliau mampu menghasilkan 2,000 unit kompos dan dengan jumlah kompos itu, beliau dapat menuai cendawan setiap hari. Kini, jumlah cendawan yang berjaya dituai dalam tempoh sebulan adalah antara 70kg hingga 100kg dan hasil jualan cendawan tersebut mencecah sebanyak RM10,000 sebulan.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN**

Pendidikan merupakan mekanisme penting di dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf. Melalui program ini, MAIWP membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat



lebih tinggi. Bantuan diberikan bermula daripada peringkat sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.

**a) Peringkat Sekolah**

Pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah ( 7 hingga 12 tahun) dan menengah (13 hingga 18 tahun) menerima Bantuan Dermasiswa. Bantuan Dermasiswa disalurkan kepada para pelajar berkenaan melalui guru-guru yang dipertanggungjawabkan di sesebuah sekolah. Kadar bantuan yang diberikan kepada para pelajar adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Rendah : RM420 hingga RM540
- ii. Sekolah Menengah : RM600 hingga RM1,200

Bantuan yang disalurkan kepada pelajar-pelajar ini akan digunakan bagi membayar yuran persekolahan dan keperluan pelajaran. Melalui bantuan ini, beban ibu bapa dalam menanggung kos pembelajaran anak-anak akan dapat dikurangkan dan dapat digunakan bagi tujuan-tujuan lain yang lebih mendesak.

Bantuan ini juga mengelakkan anak-anak daripada tidak dapat bersekolah akibat kesempitan hidup keluarga. Bantuan yang diberikan dapat memastikan anak-anak keluarga yang kurang berkemampuan ini mendapat peluang pendidikan yang sama dengan anak-anak dari keluarga yang lain.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM29.09 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 44,435 orang.

**Jadual 7:**

**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan  
Bantuan Dermasiswa Dari Tahun 2008 Hingga 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	11,931	16,060	16,444	<b>44,435</b>
Perbelanjaan (RM)	6,966,860	11,116,420	11,003,280	<b>29,086,560</b>

Terdapat sebahagian daripada pelajar yang menerima bantuan ini telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran. Sebagai contoh, dua orang adik beradik Nuralifa dan Nurafizza binti Abdul Halik yang menerima Bantuan Dermasiswa daripada MAIWP cawangan Labuan.

Bantuan yang diterima daripada MAIWP membolehkan mereka lebih fokus dalam pelajaran seterusnya beroleh keputusan cemerlang dalam akademik. Nuralifa kini telah berjaya melanjutkan pengajian di Kolej Matrikulasi Wilayah Persekutuan Labuan dalam jurusan Sains Hayat. Manakala adik beliau, Nurafizza kini berjaya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Sains Labuan.

Tanpa bantuan ini, ibu bapa mereka tidak mampu menanggung kos pengajian mereka. Bapa mereka yang bekerja sebagai buruh memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM800 dan menanggung 6 orang anak.

Kos perbelanjaan bagi persekolahan anak-anak meningkat pada permulaan sesi persekolahan. Pada waktu ini, ibu bapa perlu menyediakan uniform sekolah dan lain-lain keperluan pelajaran seperti beg sekolah, alatulis, pakaian sukan dan sebagainya.

Oleh itu, MAIWP telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan beban ibu bapa ini dengan menyediakan Bantuan Peralatan Persekolahan. Melalui bantuan ini, para pelajar berkenaan akan menerima dua pasang uniform sekolah, sepasang pakaian sukan, beg sekolah dan alatulis bernilai RM220 hingga RM250 seorang.

Peralatan dan kelengkapan persekolahan baru ini dapat memberikan motivasi dan menyuntik semangat pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan untuk memulakan sesi persekolahan baru. Ianya diharap akan dapat mendorong para pelajar untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM5.85 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 16,775 orang.

## **b) Peringkat Pengajian Tinggi**

Bagi pelajar-pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi samada di peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan kedoktoran, MAIWP menyediakan dua bantuan iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Baitulmal MAIWP.

### **i. Bantuan Am Pelajaran**

Bantuan Am Pelajaran memperuntukkan sebanyak:

- RM5,000 setahun kepada pelajar peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD), Sarjana dan Sarjana Muda (mengikuti pengajian di luar negara)
- RM4,000 setahun kepada pelajar sarjana muda di dalam negara
- RM3,000 setahun bagi pelajar peringkat Diploma dan
- RM1,500 setahun bagi pelajar peringkat Sijil.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM21.41 juta bagi bantuan ini kepada seramai 6,041 pelajar dalam dan luar negara

**Jadual 8:**  
**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan**  
**Bantuan Am Pelajaran Dari Tahun 2008 Hingga 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	887	1,756	3,398	<b>6,041</b>
Perbelanjaan (RM)	3,398,101	5,355,696	12,653,589	<b>21,407,386</b>

**ii. Biasiswa Baitulmal MAIWP**

Biasiswa Baitulmal MAIWP pula menaja para pelajar cemerlang. Menerusi bantuan ini, kos pengajian, penginapan dan elaun sara hidup bagi setiap pelajar akan ditanggung oleh MAIWP. Kadar biasiswa yang disalurkan oleh MAIWP adalah seperti berikut:

- Sarjana Muda Dalam Negara: RM10,000 - RM15,000
- Sarjana Muda Luar Negara :RM17,000 – RM47,000
- Sarjana Dalam Negara : RM17,000
- Kedoktoran (PhD) Dalam Negara : RM20,000

Sejak biasiswa ini diperkenalkan pada tahun 2007, MAIWP telah menaja seramai 127 orang pelajar yang mengikuti pengajian di universiti tempatan dan luar negara. Seramai 97 orang daripada mereka merupakan pelajar universiti-

universiti di Mesir dalam bidang pengajian Islam dan perubatan.

**Jadual 9:**  
**Pecahan Penerima Biasiswa MAIWP (Negara Mesir)**  
**Sehingga Tahun 2010**

<b>NO.</b>	<b>JURUSAN</b>	<b>BILANGAN PELAJAR</b>
1.	Pengajian Islam	33
2.	Perubatan	64
<b>JUMLAH</b>		<b>97</b>

Kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh MAIWP bagi membiayai biasiswa ini dari tahun 2007 hingga 2010 adalah sebanyak RM4.88 juta.

Biasiswa ini diharap dapat membantu melahirkan lebih ramai golongan profesional muslim. Sebagai contoh, Mohd Noor Ihsan bin Kamaruzzaman menerima biasiswa ini daripada tahun 2007 hingga tahun 2008 ketika beliau mengikuti pengajian di Universiti Al-Azhar dalam bidang Bahasa Arab.

Dengan biasiswa yang diterima, beliau terus dapat mengekalkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan setelah tamat pengajian, beliau telah berjaya dipilih untuk berkhidmat di MAIWP sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam.

Demikian Mohd Ieruan bin Mohamed Mokhtar. Beliau menerima biasiswa ini dari tahun 2007 hingga 2008 iaitu ketika sedang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan di Universiti Malaya Kuala Lumpur. Dengan bantuan yang diterima, beliau telah berjaya menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.65. Berbekalkan keputusan yang cemerlang, beliau kini telah berjaya memasuki perkhidmatan kerajaan sebagai seorang guru.

Sebagai dorongan dan penghargaan kepada penerima-penerima bantuan di atas yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam akademik, MAIWP telah menganjurkan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Untuk Anak Asnaf. Majlis ini menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah wang tunai bernilai antara RM150 hingga RM750 setiap seorang.

Selain bantuan-bantuan di atas, MAIWP turut menubuh dan menguruskan beberapa institusi pendidikan bagi membantu anak-anak asnaf maju dalam bidang pendidikan dan kemahiran seterusnya membawa keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan. Institusi-institusi tersebut adalah :

**a) Tadika –tadika Islam**

Menyedari akan kepentingan ilmu pendidikan bagi mengatasi masalah kemiskinan, MAIWP telah menguruskan Tadika-tadika Islam untuk memberi pendidikan dari usia muda. Tadika-tadika ini mula diuruskan oleh MAIWP pada tahun 2009.

Tadika-tadika Islam MAIWP memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak berusia 5 hingga 6 tahun. Kurikulum di Tadika Islam mendedahkan kanak-kanak ini kepada suasana pembelajaran yang berorientasikan "Belajar Melalui Bermain" (*learning through play*) dalam usaha mengembangkan kemahiran asas dan potensi kanak-kanak sebagai persediaan untuk memasuki sesi persekolahan di peringkat sekolah. Selain daripada itu, Pengajian Al-Quran, Bahasa Arab dan Tulisan Jawi dijadikan sebagai program nilai tambah kepada Kurikulum Tadika Islam MAIWP bagi melahirkan generasi Ulul Albab. Sehingga kini, terdapat sebanyak 80 buah Tadika Islam di Wilayah Persekutuan dengan jumlah pelajar seramai 5,509 orang.

Kos pengurusan Tadika-tadika Islam diuruskan sepenuhnya oleh MAIWP menggunakan dana zakat. Sejak mengambilalih pengurusan Tadika Islam pada tahun 2009, MAIWP sehingga tahun 2010 telah membelanjakan sebanyak RM3.93 juta bagi perbelanjaan pembangunan dan kos pengurusan termasuk pembayaran elaun, kelengkapan dan peralatan pembelajaran dan sebagainya.

**b) Sekolah Menengah Agama MAIWP**

Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) telah ditubuhkan pada tahun 2007 dan beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. SMA-MAIWP ditubuhkan bagi



memenuhi keperluan pendidikan agama di peringkat sekolah menengah khususnya di Wilayah Persekutuan.

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan SMA-MAIWP ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP menggunakan dana zakat. Dari tahun 2008 hingga 2010, sebanyak RM12.34 juta dibelanjakan bagi tujuan berkenaan. MAIWP juga kini sedang membina bangunan kekal SMA-MAIWP di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur yang mana kos pembinaannya adalah berjumlah RM104 juta.

Sekolah ini yang diuruskan menggunakan dana zakat telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Kumpulan pertama pelajar SMA-MAIWP yang menduduki Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) telah menunjukkan keputusan yang cemerlang apabila 43 orang atau 25% daripada calon telah berjaya mendapat keputusan A bagi semua 9 subjek yang diambil.

Keputusan ini terus meningkat apabila 76 atau 59% daripada keseluruhan calon mendapat keputusan yang sama pada tahun 2010.

Pada tahun ini, SMA-MAIWP telah dibuka di Wilayah Persekutuan Labuan. Penubuhannya di Labuan akan memudahkan para ibu bapa di sekitar Labuan, Sabah dan Sarawak menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan menengah aliran agama.

**c) Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz**

Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) telah ditubuhkan oleh MAIWP pada Januari 2011. SMISTA menggabungkan dua kurikulum iaitu kurikulum kebangsaan yang ditetapkan oleh kerajaan dan kurikulum hafazan Al-Quran. Selain itu juga, para pelajar akan diberikan penekanan dalam pembelajaran sains dan teknologi.

Kos pengurusan SMISTA ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP menggunakan dana zakat. Pada tahun ini, sebanyak RM0.99 juta telah diperuntukkan bagi pengurusan SMISTA.

Penubuhan SMISTA diharap dapat melahirkan lebih ramai golongan profesional Islam daripada kalangan para penghafaz Al-Quran.

**d) Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)**

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Wilayah Persekutuan dan Malaysia amnya dengan cara memberikan mereka latihan kemahiran yang tersusun supaya mereka boleh berdikari setelah tamat mengikuti kursus. Ianya ditubuhkan pada tahun 1992 dan beroperasi di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

IKB menyediakan latihan kemahiran secara percuma di peringkat sijil dalam kursus-kursus yang diiktiraf oleh badan-badan kerajaan dalam bidang-bidang berikut:

- i. Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian;
- ii. Seni Lukis dan Seni Reka;
- iii. Perkhidmatan dan Penyajian Makanan;
- iv. Kejuruteraan Elektrik; dan
- v. Teknologi Binaan Bangunan.

Pelatih dipilih daripada anak-anak golongan asnaf dan menerima elaun bulanan, kemudahan peralatan pembelajaran, tempat tinggal dan sebagainya.

Dari tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM5.34 juta bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1992 hingga kini, IKB telah melatih seramai 1,838 orang anak-anak golongan asnaf dan mereka telah berjaya memasuki pasaran kerjaya dalam pelbagai bidang. Mulai tahun 2004, kursus-kursus di IKB telah ditambahbaik dan telah dijenamakan semula seperti jadual di bawah bagi menjadikan pelatih lebih kompeten.

**Jadual 10:**  
**Pecahan Lulusan IKB Dari Tahun 2008 hingga 2010**  
**Mengikut Kursus**

BIL.	KURSUS	BILANGAN LULUSAN			JUMLAH
		2008	2009	2010	
1.	Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian	31	37	31	<b>99</b>
2	Seni Lukis dan Seni Reka	15	13	15	<b>43</b>
3	Kejuruteraan Elektrik	11	21	11	<b>43</b>
4	Perkhidmatan dan Penyajian Makanan	20	21	20	<b>61</b>
5	Teknologi Binaan Bangunan	5	8	5	<b>18</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>82</b>	<b>100</b>	<b>82</b>	<b>264</b>

**Contoh Bekas Pelatih IKB Berjaya**

- i. **Siti Zakiah binti Amiruddin, Pemilik Butik Pakaian Ita De Fashion**

Siti Zakiah binti Amiruddin merupakan bekas pelatih IKB dari tahun 1994 hingga tahun 1995 dalam Kursus Rekaan

Fesyen. Beliau kini telah menjadi usahawan berjaya dengan membuka sebuah butik pakaian Ita De Fashion.

Berbekalkan kemahiran yang dipelajari di IKB, beliau mula menceburkan diri dalam perniagaan. Perniagaan beliau semakin berkembang dan kini beliau memiliki sebuah butik pakaian. Kemahiran yang dipelajari daripada IKB juga telah membolehkan beliau dilantik sebagai Konsultan Jahitan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi kawasan Kuala Lumpur dan pedalaman Sabah.

Sumbangan dan kejayaan Siti Zakiah telah membolehkan beliau menerima beberapa anugerah. Antara anugerah yang diterima adalah Anugerah Mentor Jahitan & Anugerah Usahawan Berjaya Institut Kemahiran Belia Negara dan Anugerah Usahawan Baitulmal MAIWP.

**ii. Azirun bin Ramly, Pemilik Butik Pakaian Qaseh Aswana**

Azirun bin Ramly merupakan pelatih IKB tahun 1995 dalam Kursus Jahitan Pakaian Lelaki. Setelah menamatkan pengajian di IKB, beliau mula menceburi bidang keusahawanan dan kini beliau telah telah membuka perniagaan butik pakaian Qaseh Aswana di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Pendapatan bulanan yang diterima mampu mencecah sehingga RM10,000 sebulan.

**iii. Romzan binti Mohd Nor, Pemilik Kedai Jahitan dan Buatan Songkok**

Romzan binti Mohd Nor pula merupakan pelatih IKB tahun 1992 hingga 1993 dalam Kursus Jahitan Pakaian Wanita. Beliau kini mengusahakan kedai jahit pakaian dan kedai membuat songkok di daerah Baling dan Kupang, Kedah dengan pendapatan mencecah sehingga RM7,000 sebulan.

**e) Institut Profesional Baitulmal**

Institut Profesional Baitulmal (IPB) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan oleh MAIWP dengan matlamat untuk melahirkan profesional muslim dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi umat Islam. IPB ditubuhkan pada tahun 1992 di Kampung Pandan Kuala Lumpur dan menawarkan pengajian daripada peringkat sijil hingga peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang perniagaan, perakaunan dan sains komputer.

Ia turut menawarkan kursus-kursus bagi sijil profesional seperti *Certified Tax Institute Of Malaysia (CTIM)*, *Certified Accounting Technician (CAT)* dan *The London Chamber of Commerce and Industry International Qualification (LCCI IQ)*. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1992, IPB telah berjaya melahirkan 6,052 orang graduan.

**Jadual 11:**  
**Pecahan Graduan IPB Dari Tahun 2008 hingga 2010**  
**Mengikut Kursus**

BIL.	KURSUS	BILANGAN GRADUAN			JUMLAH
		2008	2009	2010	
1.	Diploma In Accounting (LCCI)	38	48	26	<b>112</b>
2	Diploma In Business Studies (LCCI)	4	2	-	<b>6</b>
3	Third Level Single Certificate (LCCI)	316	249	161	<b>726</b>
4	Diploma Pengajian Pengajian Universiti Teknologi MARA (UiTM)	64	62	38	<b>164</b>
5	Diploma Perakaunan	86	54	57	<b>197</b>
6	Diploma Sains Komputer UiTM	9	1	-	<b>10</b>
7	Pra-Perdagangan	90	151	127	<b>368</b>
8	Certified Accounting Technician (CAT)	9	7	3	<b>19</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>616</b>	<b>574</b>	<b>412</b>	<b>1,602</b>

MAIWP melalui Bahagian Baitulmal merupakan penaja utama kepada pelajar di IPB. MAIWP telah mewujudkan satu skim bantuan khas kepada pelajar IPB yang dikenali sebagai Skim Bantuan Pelajar IPB bagi membantu mereka yang kurang

berkemampuan. Bantuan yang diberikan berjumlah antara RM1,000 hingga RM3,000 bagi setiap pelajar. Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM18.34 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 3,139 orang.

**Jadual 12:**

**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan  
Bantuan Pelajar IPB Dari Tahun 2008 Hingga 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	655	1,086	1,398	<b>3,139</b>
Perbelanjaan (RM)	5,084,186	5,816,973	7,437,446	<b>18,338,605</b>

Bantuan yang diberikan menampung yuran pengajian dan sara hidup para pelajar berkenaan seterusnya membolehkan mereka fokus dalam pelajaran dan akhirnya berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang. Sebanyak 95% daripada graduan IPB telah diterima bekerja dalam pelbagai bidang kerjaya. Mereka menerima pendapatan antara RM2,500 hingga RM10,000 sebulan bergantung kepada kerjaya yang diceburi.

Antaranya, Encik Firdaus bin Abdullah. Beliau seorang muallaf dan memeluk Islam pada tahun 1995. Setelah tamat pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, beliau telah diterima masuk ke IPB bagi mengikuti pengajian dalam Kursus *The Institute Of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA)*.



Beliau yang disisihkan daripada keluarga kerana memeluk Islam terpaksa belajar dalam keadaan sukar. Beliau terpaksa bekerja secara sambilan bagi menampung yuran dan kos perbelanjaan sebagai pelajar di IPB.

Bantuan yang diterima daripada MAIWP telah meringankan beban kewangan yang ditanggung dan membolehkan beliau lebih fokus dalam pengajian. Pada tahun 1997, beliau telah berjaya menamatkan pengajian. Setelah menempuh pengalaman dalam beberapa bidang kerjaya, kini beliau menjawat jawatan sebagai Pengurus *Quality Assurance* di salah sebuah bank terkemuka di Malaysia dan menerima pendapatan mencecah RM5,000 sebulan.

**f) Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS)**

Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI merupakan sebuah IPTS yang ditubuhkan oleh MAIWP bagi menawarkan pengajian peringkat diploma dalam bidang kejururawatan. Penubuhan kolej ini antara lain mampu membantu kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga jururawat. Semenjak ditubuhkan pada tahun 2003, Kolej ini telah berjaya melahirkan 295 orang graduan.

**Jadual 13:**  
**Pecahan Graduan PICOMS 2005 hingga 2010**

<b>BIL.</b>	<b>Sesi</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Julai 2005 hingga Jun 2008	<b>37</b>
2	Januari 2006 hingga Disember 2008	<b>35</b>
3	Julai 2006 hingga Jun 2009	<b>39</b>
4	Januari 2007 hingga Disember 2009	<b>23</b>
5	Julai 2007 hingga Jun 2010	<b>35</b>
6.	Januari 2008 hingga Disember 2010	<b>29</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>198</b>

Daripada jumlah 198 orang seperti jadual di atas, seramai 184 orang atau 92% telah berjaya mendapat pekerjaan. Sebahagian besar daripada mereka memulakan kerjaya sebagai jururawat samada di hospital kerajaan atau swasta dengan pendapatan bulanan antara RM1,500 hingga RM2,000.

Seperti juga di IPB, sebahagian besar pelajar Kolej ini menerima bantuan zakat daripada MAIWP di bawah Skim Bantuan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI. Bantuan yang diberikan kepada setiap pelajar yang layak adalah antara RM2,000 hingga RM3,000 seorang.

Daripada tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM0.98 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 372 orang pelajar.

**Jadual 14:**

**Bilangan Penerima dan Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan  
Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI  
Dari Tahun 2008- 2010**

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>JUMLAH</b>
Bilangan Penerima	37	131	204	<b>372</b>
Perbelanjaan (RM)	98,500	342,500	539,500	<b>980,500</b>

Dengan kerjaya yang tetap dan stabil, pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan berjaya menamatkan pengajian dengan bantuan daripada MAIWP. Dengan pendidikan dan latihan yang diperolehi, mereka memperolehi pendapatan bulanan yang baik bagi membantu keluarga masing-masing.

**g) Darul Kifayah**

Darul Kifayah merupakan sebuah pusat perlindungan kepada anak-anak asnaf termasuk anak-anak yatim. Anak-anak daripada keluarga fakir, miskin dan muallaf diterima masuk ke Darul Kifayah dan diberikan kemudahan pendidikan sepenuhnya oleh MAIWP . Segala perbelanjaan dan keperluan harian mereka

seperti tempat tinggal dan makan minum ditanggung oleh MAIWP dan pendidikan agama turut dititikberatkan di Darul Kifayah.

Melalui Darul Kifayah, MAIWP dapat memastikan anak-anak daripada keluarga asnaf turut mendapat peluang pendidikan yang sama seperti anak-anak lain. Ia seterusnya mengelakkan mereka ketinggalan yang boleh menyebabkan mereka mewarisi kemiskinan keluarga.

Dari tahun 2008 hingga 2010, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM1.53 juta bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan Darul Kifayah.

Daripada tahun 2006 hingga tahun 2010, Darul Kifayah telah menyediakan kemudahan perlindungan kepada seramai 1,540 orang pelajar yang berusia 11 hingga 17 tahun.

**Jadual 15:**

**Bilangan Pelajar Darul Kifayah Dari Tahun 2006 hingga 2010**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>
1.	2006	140
2.	2007	180
3.	2008	250
4.	2009	500
5.	2010	470
<b>JUMLAH</b>		<b>1,540</b>

Berdasarkan rekod, terdapat bekas pelajar Darul Kifayah yang kini telah berjaya.

Siti Rafidah Abdul Rashid dihantar memasuki Darul Kifayah pada tahun 1995 ketika beliau berusia 14 tahun setelah ibu beliau tidak mampu menanggung perbelanjaan keluarga apabila bapa beliau meninggal dunia.

Setelah menetap di Darul Kifayah, segala keperluan pendidikan dan harian ditanggung sepenuhnya sehingga berumur 17 tahun. Bantuan yang diterima daripada Darul Kifayah membolehkan beliau menumpukan sepenuh perhatian dalam pelajaran dan beliau pernah menerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan atas kecemerlangan dalam bidang akademik.

Beliau kemudiannya diterima masuk ke Universiti Teknologi Malaysia sebagai pelajar dalam jurusan kejuruteraan kimia. Setelah berjaya di peringkat ijazah sarjana muda, pengajian beliau disambung sehingga ke peringkat sarjana dalam bidang yang sama.

Dengan kelayakan yang dimiliki, beliau kini menjadi pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor dan menerima pendapatan RM4,000 sebulan.

Seorang lagi bekas pelajar Darul Kifayah, Nurhanim Mohamed Daud kini telah menjadi Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara Malaysia.

Bantuan yang diterima semasa menetap di Darul Kifayah selama 4 tahun membolehkan beliau berjaya mendapat keputusan yang cemerlang di peringkat sekolah. Keputusan cemerlang itu menjadi asas untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, Selangor iaitu jurusan yang membolehkan beliau menjawat jawatan Peguam Persekutuan.

## **KESIMPULAN**

Program-program yang dilaksanakan oleh MAIWP dan kejayaan yang telah dicapai menggunakan dana zakat telah membuktikan bahawa zakat adalah instrumen terbaik dalam membasmi kemiskinan. Contoh yang dibawa dalam kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada kejayaan asnaf yang dibantu melalui program-program agihan zakat MAIWP.

Walau bagaimanapun, MAIWP sedar usaha ini perlu dipertingkatkan lagi bagi melahirkan lebih ramai asnaf yang berjaya. Dalam hal ini, MAIWP secara berterusan sentiasa meningkatkan aktiviti pemantauan bagi memastikan bantuan yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengubah taraf kehidupan asnaf kepada yang lebih baik.

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)**

**14 Mac 2011**

## LAMPIRAN A

### **SKIM-SKIM BANTUAN ZAKAT DI BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)**

- 1) Bantuan Kewangan Bulanan
- 2) Bantuan Persekolahan
- 3) Bantuan Perniagaan
- 4) Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
- 5) Bantuan Membina/Membaiki Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
- 6) Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri (Ibnu-Sabil)
- 7) Bantuan Wang Segera
- 8) Bantuan Al-Riqab
- 9) Bantuan Am Pelajaran
- 10) Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)
- 11) Bantuan Perkahwinan
- 12) Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan
- 13) Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
- 14) Bantuan Musibah
- 15) Biasiswa Baitulmal / Insentif Khas Pelajar Cemerlang
- 16) Bantuan Peralatan Persekolahan
- 17) Bantuan Tuisyen
- 18) Bantuan Perubatan
- 19) Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan
- 20) Bantuan Ramadhan

- 21) Bantuan Galakan Hafazan Al-Quran
- 22) Bantuan Pertanian
- 23) Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah
- 24) Bantuan Deposit Membeli Motorsikal Roda Tiga Untuk OKU
- 25) Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI
- 26) Bantuan Guaman Syarie
- 27) Bantuan Persediaan Institusi Pengajian Tinggi